

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Dr M tetap hadir sidang New Delhi

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini, Malaysia tetap akan menghadiri Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali di New Delhi, bulan depan.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mengetuai rombongan Malaysia ke sidang itu.

Tambahnya, adalah tidak benar laporan kononnya Malaysia mungkin tidak akan menghadiri sidang tersebut.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan sebuah

syarikat berita asing yang menyatakan Malaysia, Singapura dan Indonesia mungkin tidak menghadiri sidang itu.

Laporan dari Bangkok itu memetik para diplomat Asean sebagai berkata, ketiga-tiga negara Asean itu 'mungkin menarik diri dari sidang kemuncak 97 buah negara itu jika ahli-ahli radikal berjaya mengatasi mereka mengenai isu Kam-puchea'.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sehingga ini tidak timbul soal Malaysia tidak hadir di sidang itu. — Bernama.